



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	8/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

Lombong bijih besi haram di Hutan Simpan Ibam

Pemeriksaan temui tiga lori, empat jengkaut

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Muadzam Shah: Pejabat Hutan Daerah Rompin membongkar kegiatan melombong bijih besi secara haram di Kompartmen 220 Hutan Simpan Ibam, di sini Selasa lalu.

Rondaan pasukan penguatkuasaan diketuai Penolong Pemelihan

ra Hutan Kanan I, Ahmad Aizuddin Hashim bersama kakitangan dan anggota Unit Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Pahang menemui kawasan seluas dua hektar dengan kegiatan melombong menggunakan tujuh jentera.

Pegawai Hutan Rompin, Shairani Mamat, berkata siasatan mendapati syarikat yang terabit dengan kegiatan melombong itu membuat permohonan kerja melombong bijih besi tetapi belum diluluskan.

Katanya, kawasan yang dicebros seluas kira-kira dua hektar dan terletak di luar kawasan yang dimohon.

Beliau berkata, kegiatan



Kawasan Hutan Simpan Ibam dibersihkan untuk aktiviti melombong bijih besi secara haram.
(Foto Mohd Rafi Mamat /BH)

melombong itu dipercayai masih baru dilakukan oleh 10 hingga 15 individu.

Shairani berkata, ketika serbuan mereka yang melombong secara haram melarikan diri dan bersembunyi di hutan serta gagal dikesan.

"Pemeriksaan di kawasan lombong itu kita menemui tiga lori dan empat jengkaut yang dipercayai diguna untuk melakukan kegiatan membersihkan kawasan serta memindahkan bahan galian.

"Pejabat Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Pahang Zon Timur mengesahkan kegiatan melombong itu ia dilakukan di luar kawasan lesen," katanya, di

sini, semalam.

Beliau berkata, jabatan itu menyita tujuh jentera dan disimpan di Pejabat Ladang Hutan Kemasuk, Temerloh.

Shairani berkata, Hutan Simpan Ibam menjadi tumpuan kegiatan melombong bijih besi atau emas dan pihaknya meronda dari masa ke masa.

"Kita juga mengharapkan orang ramai memberi maklumat kegiatan yang menyalahi undang-undang terutama membabitkan dalam kawasan hutan simpan.

"Selain melombong, turut berlaku dalam hutan simpan ialah memindahkan balak tanpa permit," katanya.